

Info

Projek Perumahan Rakyat

- Seperti penyewa lain dalam program sama, Shima tidak boleh culas membayar sewa rumah RM255 sebulan, selama dua tahun, sebelum dipertimbangkan untuk membeli unit diduduki pada harga RM190,000.



Zuraida menyerahkan surat tawaran Program Rumah Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, Petaling Jaya, kepada Shima sambil disaksikan Lal Lin dan DJ Dave di Putrajaya, semalam. (Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

Shima dapat rumah PPR

69 selebriti mohon Inisiatif Perumahan Komuniti Seni Harapan

Oleh Hanisah Selamat
hanisah@bh.com.my

Mata penyanyi *Teringin*, Shima, tampak berkaca saat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, menyerahkan kunci unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, di Putrajaya, semalam.

Dalam keadaan tidak cergas seperti dahulu, gara-gara masalah saraf tulang belakang, sejak beberapa tahun lalu, bagai terselit semangat baharu dalam dirinya sebab sahaja borang pemilikan kediaman sewaan itu berada di tangan.

"Alhamdulillah, proses ini dipermudahkan dan saya rasa sangat bertuah. Ada yang kena menunggu bertahun-tahun untuk mendapatkan rumah. Lebih-lebih lagi saya mendapat unit aras paling bawah, jadi kami tidak pernah menggunakan tangga.

"Walaupun belum tahu jumlah wang deposit, saya sememangnya sangat bersyukur. Kalau boleh, kami mahu berpindah dengan segera. Tetapi sebelum itu kena cukupkan dahulu wang deposit, tambahan pula kami perlu membayar lori

untuk memindahkan barang dari rumah sewa lama.

"Dibandingkan dengan kediaman sebelum ini, sewanya sangat berbeza, iaitu RM600. Saya cuma perlu membayar RM255 sebulan untuk rumah PPR ini. Insya-Allah, kami akan usahakan mencari deposit," katanya ketika ditemui pada majlis penyerahan kunci kediaman itu.

Acara disaksikan sebagai

Acara yang disempurnakan Zuraida itu turut dihadiri Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Dr Mary Wong Lai Lin; Timbalan Ketua Pengarahnya, Dr Alaudin Sidiq; dan Pengerusi Yayasan Kebajikan Artis Tanah Air (YKAT), Datuk DJ Dave.

Julai lalu, Shima atau Ku Nazhatul Shima Kamarazman, 50, yang dikategorikan sebagai golongan asnaf oleh Lembaga Zakat Selangor (LZS) mehyuarakan hasrat mendapatkan rumah PPR kerana tidak lagi mampu membayar sewa bulanan pangsapuri berjumlah RM600.

Selain *slip disc*, dia yang bergantung kepada ubat tahan sakit dan rawatan terapi fisio turut mengalami masalah pundul kencing.

Pergerakannya kini banyak dibantu suami yang dikahwini sejak tiga tahun lalu, Abdullah Rusli, 42.

Begitupun, keadaan kesihatan suaminya juga tidak menentu, impak kemalangan teruk dialaminya beberapa tahun lalu.

Shima belum mempunyai sebarang perancangan selepas berpindah, namun berharap dapat menerima undangan nyanyian bagi menampung perbelanjaan.

"Saya mungkin tidak lagi dapat membuka gerai makanan. Sekarang, saya makin sakit kalau berdiri bagi tempoh lama.

"Apa pun, saya dan suami tetap akan usahakan sesuatu demi mencari rezeki. Memang saya tak mahu menyusahkan sesiapa, termasuk keluarga di Banting," katanya.

Doj permohonan ditolak

Sementara itu, Zuraida berkata, sebanyak 69 permohonan diterima daripada golongan selebriti kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri menerusi Inisiatif Perumahan Komuniti Seni Harapan.

Katanya, KPKT memberi ketumpukan kepada penggiat seni memandangkan mereka turut menyumbang kepada ekonomi, namun tetap perlu melepasi saringan seperti pemohon lain, terutama di bawah syarat belum mempunyai kediaman.

"Artis yang dicadangkan untuk mendapat insentif perumahan itu adalah rujukan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), YKAT dan persatuan lain yang sememangnya layak memohon.

"Begitupun, 19 daripada permohonan itu terpaksa ditolak kerana mereka sudah memiliki rumah, manakala 50 lagi masih dalam proses pemilikan sebelum dapat dipindahkan lokasi sama dengan Shima secara berperingkat," ulasnya.

Alhamdulillah, proses ini dipermudahkan dan saya rasa sangat bertuah."

Shima